

Penggunaan Emas dan Perak dalam Menentukan Nilai Pampasan *Diyat*: Suatu Analisis ke Atas Nilaian Pertukaran Mata Wang Semasa

(The Use of Gold and Silver in Determining Value in *Diyat* Compensation:
An Analysis on Value of Current Currency Exchange)

MUHAMMAD HILMI MUSA

ABSTRAK

Diyat adalah satu bentuk hukuman yang mewajibkan tertuduh yang disabitkan atau keluarganya membayar pampasan dalam bentuk wang kepada mangsa. Secara amnya hukuman ini diperuntukkan bagi jenayah yang dilakukan ke atas nyawa dan tubuh badan iaitu jenayah membunuh dan mencederakan. *Diyat* merupakan satu bentuk hukuman yang dinyatakan dalam al-Quran. Walau bagaimanapun, pelaksanaan hukuman tersebut di Malaysia boleh menjadi sukar sekiranya unta dijadikan sebagai asas pembayaran. Kekangan dari aspek untuk mendapatkan jumlah unta dengan umur yang tertentu sebagaimana yang telah ditetapkan oleh syarak menjadi halangan perundangan di Malaysia berbanding negara-negara Timur Tengah. Bagaimanapun, kaedah alternatif boleh diterapkan dalam perundangan syariah untuk menyelesaikan penetapan kadar diyat ini. Kaedah alternatif yang boleh dicadangkan di sini ialah dengan menggunakan nilai emas dan perak sebagai penentu kepada kadar pampasan diyat yang dikenakan ke atas tertuduh yang disabitkan. Dalam masa yang sama, realiti kehidupan semasa dan masyarakat juga perlu diambil kira dalam penetapan kadar tersebut. Artikel ini menganalisis nilai dinar dan dirham berdasarkan harga emas dan perak di pasaran semasa di Malaysia. Hasil penulisan ini mendedahkan hukuman diyat berasaskan prinsip syariah boleh dilaksanakan berasaskan kepada nilai pertukaran mata wang semasa.

Kata kunci: *Diyat; bunuh; mencederakan; nilai emas dan perak; dinar; dirham; pertukaran mata wang semasa*

ABSTRACT

Diyat is a form of punishment which obliges convicted accused or his family to pay monetary compensation to a victim. Generally speaking, such punishment is apportioned for crimes against life and limb such as the crimes of murder and causing hurt or grievous hurt. *Diyat* is a punishment authorized in the Qur'an. However, implementation of such punishment in Malaysia may become difficult as long as camels are used as a basis of payment. Constraints in the aspect getting the right quantity of camel in the right age as ordained by the syariah principles become legal impediments in Malaysia as compared to the Middle East countries. However, alternative methods may be adapted in the syariah legislation in determining the value of diyat. One alternative measure which could be suggested is by using the values of gold and silver in determining the value of diyat compensation obliged on convicted accused. At the same time, current reality of life and society must also be taken into account when determining such compensation value. This article analyzes the value of dinar and dirham based on current gold and silver markets in Malaysia. This writing finds that the syariah-based diyat punishment can be implemented on the basis of current currency exchange-rate.

Keywords: *Diyat; murder; causing hurt or grevous hurt; value of gold and silver; dinar; dirham; current exchange rate*

PENDAHULUAN

Kerangka perundangan Islam menggariskan tentang *diyat* iaitu hukuman yang dikenakan ke atas tertuduh yang disabitkan dengan kesalahan membunuh atau mencederakan. Dalam konteks hukuman *diyat*, tertuduh dikehendaki membayar sejumlah pampasan kepada mangsa atau keluarganya. Ianya dilihat sebagai hukuman alternatif bagi menggantikan hukuman qisas. Bagaimanapun, terdapat pandangan lain yang menyatakan

hukuman ini termasuk dalam hukuman asal bergantung kepada jenis kesalahan jenayah tersebut. *Diyat* merupakan hukuman asal bagi kesalahan membunuh separuh sengaja dan tidak sengaja. Manakala ia menjadi hukuman alternatif bagi kesalahan membunuh dengan sengaja.¹

Hukuman ini telah bermula sejak zaman Arab Jahiliyyah lagi iaitu hukuman *diyat* tersebut dinilai berdasarkan kepada martabat dan kekuatan suku kabilah. Semakin berkuasa sesuatu kabilah maka semakin tinggi kadar *diyat* yang perlu dibayar kepadanya. Hukuman

ini kemudiannya diterima pakai dalam undang-undang Islam dengan beberapa pengubabsuaian terhadap perlaksanaan, penetapan kadar yang spesifik dan sebagainya bagi menjamin keadilan kepada pihak-pihak yang terlibat.² Sistem pampasan yang berdasarkan *diyat* ini terus berkembang dan diamalkan secara sistematis dan kontemporari di beberapa buah negara seperti Arab Saudi, Pakistan dan Sudan.

Kaedah asal bagi pembayaran *diyat* adalah dengan menggunakan unta dengan bilangan tertentu kepada mangsa atau keluarga mangsa. Persoalan yang timbul ialah apakah jenis dan kadar *diyat* yang telah ditetapkan dalam perundangan jenayah Islam? Apakah kaedah pembayaran *diyat* yang sesuai dilaksanakan di negara-negara yang sukar untuk mendapatkan unta seperti Malaysia? Dan berapakah nilai mata wang semasa yang boleh dijadikan sebagai asas penentuan kadar pembayaran *diyat*?

Persoalan di atas perlu dikaji dengan teliti bagi memberi pendedahan kepada masyarakat Islam di Malaysia mengenai kaedah pelaksanaan *diyat*. Pada masa kini, masyarakat Islam lebih cenderung membincangkan hudud sebagai cabang perundangan Islam tanpa membincang dan menonjolkan secara bersama cabang-cabang lain seperti *qisas*, *ta'zir* dan *diyat*. Kecenderungan ini menyebabkan golongan yang berkepentingan mengeksplorasi isu ini bagi merealisasi matlamat tertentu yang diperjuangkan. Sehubungan itu, penulisan ini akan mengetengahkan *diyat* sebagai cabang dari perundangan Islam dan mengkaji nilai mata wang semasa untuk diguna pakai sebagai asas dalam menentukan kadar dan hukuman *diyat* di negara ini. Penulisan ini juga akan menganalisis nilai emas dan perak di pasaran semasa serta mengambil kira senario yang berlaku di Malaysia.

DEFINISI DIYAT

Diyat adalah kata nama dalam bentuk plural daripada perkataan *diyatun* iaitu *masdar* dari kata kerja *wadiyayadiy-wadyatun*. *Diyatun* bermaksud harta benda yang diberikan kepada waris mangsa sebagai ganti terhadap jenayah pembunuhan yang dilakukan.

Al-Sarakshi, ulama mazhab Hanafi mentakrifkan *diyat* sebagai harta yang diberikan sebagai ganti rugi kepada nyawa dan bukannya kebendaan.³

Ibn ‘Irfah, seorang ulama mazhab Maliki pula menyatakan *diyat* ialah harta yang wajib dibayar disebabkan oleh pembunuhan yang dilakukan ke atas manusia yang merdeka sebagai ganti kepada darah atau kecederaannya sebagaimana yang telah ditetapkan oleh syarak dan bukannya ijihad.⁴

Imam An-Nawawi dan Al-Syarbini pula mentakrifkan *diyat* sebagai harta yang wajib dibayar disebabkan oleh jenayah yang dilakukan ke atas jiwa orang yang merdeka atau selain jiwa.⁵ Abdul Qadir ‘Awadah pula berpendapat *diyat* adalah hukuman gantian kepada hukuman *qisas*

sekiranya mengambil tempat kepada hukuman *qisas*, dan dalam masa yang sama, ia turut merupakan hukuman asal kepada kesalahan jenayah yang bersifat separuh sengaja.⁶

JENIS DIYAT DAN KADARNYA

Diyat terbahagi kepada dua jenis iaitu *diyat mughallazah* dan *diyat mukhaffafah*. Selain itu, terdapat beberapa jenis pampasan yang dikenali sebagai *arsy muqaddar*, *arsy ghair muqaddar* dan *hukumah*.

Diyat mughallazah (pampasan berat) ialah pampasan yang dikenakan ke atas pembunuhan yang dilakukan dengan sengaja atau seumpama sengaja.⁷ *Diyat* ini perlu ditanggung sepenuhnya dari harta penjenayah dan perlu dilunaskan segera. Kadarnya ialah 100 ekor unta bunting mengikut peringkat umur tertentu.⁸ Apabila pesalah disabitkan dengan hukuman *diyat* berat, maka perincian kadarnya ialah seperti berikut:

1. 30 ekor unta berusia 3 tahun;
2. 30 ekor unta berusia 4 tahun; dan
3. 40 ekor unta berusia 5 tahun yang bunting.⁹ Pendapat lain juga mengatakan kadar *diyat* ini ialah 33 ekor unta berusia 3 tahun, 33 ekor unta berusia 4 tahun dan 34 ekor unta bunting.¹⁰

Diyat mukhaffafah pula ialah pampasan ringan terhadap kesalahan seperti pembunuhan tidak sengaja atau tersalah dan juga kes kecederaan. *Diyat* ini boleh dibayar secara ansuran dan kaum keluarga boleh menanggungnya bersama. Kadar 100 ekor unta dikenakan sama seperti *diyat mughallazah* tetapi berbeza dari jenisnya. Perincian kadar *diyat* ini ialah seperti berikut:

1. 20 ekor unta *bintu makhad* berusia 3 tahun;
2. 20 ekor unta *bintu labun* berusia 3 tahun;
3. 20 ekor unta *ibnu labun*;
4. 20 ekor *hiqqah* berusia 3 tahun
5. 20 ekor *jadh'ah* berusia 4 tahun.¹¹

Terdapat pelbagai istilah lain yang digunakan oleh para fuqaha klasik selain *diyat*. Antara istilah tersebut ialah ‘arsy, *hukumah*, dan *ghurrat* yang bermaksud seperti berikut:

1. ‘Arsy bermaksud *diyat* yang dibayar dalam kes kecederaan melibatkan kerosakan sebahagian anggota dari bilangan yang sempurna seperti kecederaan sebelah tangan, sebelah kaki dan lain-lain lagi. Arsy terbahagi kepada dua iaitu:
 - a. *arsy muqaddar*: kadar yang ditetapkan oleh syarak; dan
 - b. *arsy ghair muqaddar*; penentuan kadar diserahkan budi bicaranya kepada hakim. Ia disebut juga sebagai *hukumah*.¹²
2. *Hukumah* pula bermaksud bayaran yang dikenakan dalam kes kecederaan ringan. Hukuman ini tidak

menetapkan sebarang kadar pampasan yang perlu dibayar tetapi menjadi tanggungjawab hakim untuk menetapkan kadarnya bersesuaian dengan kesalahan yang dilakukan. Kadar *hukumah* perlu kurang nilainya dari kadar *diyat* dan *arsy*.

3. *Ghurrah* pula dikenakan bagi tujuan bayaran dalam kes-kes yang melibatkan kematian anak dalam kandungan.¹³

Hukuman *diyat* akan dikenakan sekiranya pelaku jenayah mendapat kemaafan dari waris mangsa yang tidak mahu melaksanakan *qisas*. Ia juga dikenakan ke atas pembunuhan yang dilakukan dalam bulan mulia (haram),¹⁴ pembunuhan di tanah haram Mekah, pembunuhan terhadap ahli keluarga serta pembunuhan dalam keadaan ihram.¹⁵

Imam Baihaqi mengatakan bahawa Umar r.a, Usman r.a dan Ibn Abbas berpendapat bahawa sesiapa yang membunuh di tanah haram, kaum kerabatnya atau pada bulan-bulan haram, maka wajib ke atasnya *diyat* dan tambahan 1/3 lagi daripada kadar asal tersebut.¹⁶ Namun Imam Abu Hanifah dan ulama mazhab Maliki berpendapat *diyat mughallazah* dalam kes ini tidak dikenakan kerana tiada dalil syarak yang menegaskannya tetapi penerimaan *diyat* tersebut bersandarkan kepada ijtihad sahaja.¹⁷

Penetapan unta sebagai kadar *diyat* kerana unta merupakan harta yang bernilai di tanah Arab suatu ketika dahulu. Pemilikan jumlah ternakan unta yang banyak menunjukkan martabat, kekayaan dan pengaruh seseorang dalam kalangan masyarakat arab. Peristiwa penebusan jiwa Abdullah oleh Abdul Mutalib yang ingin melunaskan nazar dengan menyembelih 100 ekor unta sebagai galang ganti kepada nyawa Abdullah menjadi sandaran kepada permulaan pelaksanaan hukuman *diyat*. *Diyat* seterusnya telah diperakui dan dilaksanakan selepas kedatangan Islam bersandarkan kepada sumber hukum kaedah *fiqhiyah* iaitu *al-a'dah muhakkamah* “adat kebiasaan dapat dijadikan hukum”.¹⁸

KESALAHAN YANG DIKENAKAN HUKUMAN DIYAT

JENAYAH PEMBUNUHAN SENGAJA (*AL-QATLU AL-A'AMD*)

Pada dasarnya, hukuman bagi kesalahan membunuh dengan sengaja adalah *qisas* dan jika penjenayah mendapat pengampunan dari ahli waris keluarga mangsa yang terbunuh atau waris mangsa menuntut *diyat* sebagai ganti *qisas* maka wajib terhadap pembunuhan membayar *diyat* yang dikenakan terhadapnya. Hal ini disepakati oleh fuqaha yang menetapkan pembunuhan secara sengaja perlu menjalani *qisas* kecuali selepas mendapat pengampunan dari keluarga mangsa. Ini merujuk kepada surah al-Baqarah yang bermaksud:

Maka sesiapa (pembunuhan) yang dapat sebahagian keampunan dari saudaranya (pihak yang terbunuh), maka hendaklah orang

yang mengampunkan itu) mengikut cara yang baik (dalam menuntut ganti nyawa), dan (si pembunuhan pula) hendaklah menunaikan bayaran ganti nyawa itu) dengan sebaik-baiknya. yang demikian itu adalah suatu keringanan dari Tuhan kamu serta suatu rahmat kemudahan. sesudah itu sesiapa yang melampaui batas (untuk membala dendam pula) maka baginya azab seksa yang tidak terperi sakitnya.

(Al-Baqarah 2:178)

Pembunuhan sengaja ialah pembunuhan yang dilakukan oleh seseorang dengan sengaja dan berniat mematikan seseorang yang tidak halal dibunuh dengan menggunakan alat, bahan atau cara yang kebiasaannya boleh membunuh. Pembunuhan sengaja ini berlaku apabila memenuhi syarat-syarat berikut:¹⁹

1. Tertuduh seorang mukallaf iaitu dewasa dan waras.
2. Orang yang dibunuh tidak halal darahnya.
3. Alat, bahan atau cara yang digunakan kebiasaannya boleh membunuh.
4. Pembunuhan dilakukan dengan niat membunuh.
5. Kematian mangsa adalah akibat dari tindakan tertuduh.

Kadar *diyat* bagi kesalahan ini dikategorikan di bawah *diyat mughallazah* seperti yang telah dinyatakan sebelum ini. Pembayaran perlu dilakukan segera dari harta milik penjenayah. Ulama berselisih pendapat dalam menentukan jenis unta yang akan digunakan bagi membayar pampasan ini. Sebahagian ulama menetapkan empat jenis unta²⁰ iaitu:

1. 25 ekor unta *bint makhad* (unta berumur 1 tahun, masuk tahun ke-2)
2. 25 ekor unta *bint labun* (unta yang berumur 2 tahun, masuk tahun ke-3)
3. 25 ekor unta *hiqqah* (unta yang berumur 3 tahun, masuk tahun ke-4)
4. 25 ekor unta *jadh'ah* (unta yang berumur 4 tahun, masuk tahun ke-5)

Terdapat juga riwayat lain yang berpendapat bahawa kadar *diyat* dan jenis unta bagi pembunuhan sengaja adalah seperti berikut:²¹

1. 30 ekor unta *hiqqah*
2. 30 ekor unta *jadh'ah*
3. 40 ekor unta *khalfah* (unta bunting)

Hukuman ini perlu dilaksanakan segera bagi mengangkat kesucian nyawa seseorang yang menjadi mangsa korban jenayah sekaligus mengubat kesedihan waris mangsa yang kehilangan saudaranya.

JENAYAH PEMBUNUHAN SEUMPAMA SENGAJA (*QATLU SHIBHU AL-A'MD*)

Pembunuhan seumpama sengaja dan tidak sengaja tidak dikenakan *qisas* tetapi dikehendaki membayar kafarah

dan *diyat*. Hal ini dijelaskan dalam surah al-Nisaa' yang bermaksud:

Dan tidak harus sama sekali bagi seseorang mukmin membunuh seorang mukmin yang lain, kecuali dengan tidak sengaja. Dan sesiapa yang membunuh seorang mukmin dengan tidak sengaja, maka (wajiblah ia membayar kaffarah) dengan memerdekakan seorang hamba yang beriman serta membayar "diah" (denda ganti nyawa) yang diserahkan kepada ahlinya (keluarga si mati), kecuali jika mereka sedekahkan (memaafkannya). Tetapi jika ia (yang terbunuh dengan tidak sengaja) dari kaum (kafir) yang memusuhi kamu, sedang ia sendiri beriman, maka (wajiblah si pembunuh membayar kaffarah sahaja dengan) memerdekakan seorang hamba yang beriman. Dan jika ia (orang yang terbunuh dengan tidak sengaja itu) dari kaum (kafir) yang ada ikatan perjanjian setia di antara kamu dengan mereka, maka wajiblah membayar "diah" (denda ganti nyawa) kepada keluarganya serta memerdekakan seorang hamba yang beriman. Dalam pada itu, sesiapa yang tidak dapat (mencari hamba yang akan dimerdekakannya), maka hendaklah ia berpuasa dua bulan berturut-turut; (hukum yang tersebut) datangnya dari Allah untuk menerima taubat (membersihkan diri kamu). dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.

(al-Nisaa' 4:92)

Fuqaha Shafi'i mentakrifkan pembunuhan seumpama sengaja ialah pukulan yang tidak didorong dengan niat membunuh, bagaimanapun kesan terhadap perbuatan itu berlakunya kematian.²² Kesalahan ini seperti seseorang yang memukul menggunakan rotan atau tongkat yang pada asasnya perbuatan tersebut tidak mengakibatkan kematian. Kesalahan ini termasuk dalam *diyat mughallazah* tetapi tidak dihukum *qisas* (bunuh balas). Elemen bagi kesalahan ini ialah:

1. Perlakuan tertuduh menyebabkan kematian.
2. Alatan yang digunakan kebiasaannya tidak mendatangkan kematian.
3. Tertuduh tiada niat untuk membunuh, tetapi berniat untuk mencederakan.

Pembunuhan ini dinamakan pembunuhan seumpama sengaja kerana tindakan bunuh itu diragui perbuatannya sama ada sengaja atau tidak. Oleh kerana ianya tidak menepati elemen pembunuhan sengaja, maka hukuman *qisas* terhadapnya digugurkan dan dikenakan *diyat mughallazah*.²³ Pesalah bagi kesalahan ini perlu membayar *diyat* kepada keluarga mangsa dan boleh dibayar secara ansuran serta boleh ditanggung bersama oleh ahli keluarga pesalah.²⁴

JENAYAH PEMBUNUHAN TIDAK SENGAJA ATAU TERSALAH (*QATLU AL-KHATA'*)

Pembunuhan tidak sengaja adalah perbuatan yang menyebabkan kematian tetapi tidak dilakukan dengan niat membunuh. Pembunuhan seperti ini kebiasaannya berlaku ketika aktiviti memburu, pemburu tersilap menembak rakannya atau orang lain yang disangka beruang atau haiwan buruan.

Fuqaha berpandangan bahawa pesalah bagi jenayah pembunuhan tidak sengaja ini tidak dikenakan *qisas* kerana pesalah tiada niat untuk membunuh. Namun ia tidak terlepas dari hukuman *diyat mukhaffafah* iaitu *diyat* ringan seperti yang telah dinyatakan sebelum ini.

Pengagihan *diyat* ini dibuat berdasarkan hadith riwayat Ibn Mas'ud yang bermaksud:

Rasulullah SAW bersabda: dalam *diyat* bagi pembunuhan tidak sengaja adalah 20 ekor unta *higqah*, 20 ekor unta *jadh'ah*, 20 ekor unta *bint makhad*, 20 ekor unta *bint labun* dan 20 ekor unta *ibnu makhad*.

Selain daripada kesalahan pembunuhan tidak sengaja, *diyat mukhaffafah* juga dilaksanakan di dalam kes-kes yang melibatkan kecederaan dan dikenali sebagai *arsy*.

JENAYAH MENCEDERAKAN ANGGOTA BADAN

Jenayah terhadap tubuh badan ialah perlakuan melampau terhadap jasad seseorang manusia meliputi memotong, melukakan, memukul atau menghilangkan manfaat anggota tanpa mematikan.²⁵ Secara umumnya, *diyat* pembunuhan dan *diyat* kecederaan adalah sama dari segi jenis, kadar dan pembayar/pihak bertanggungjawab.

Kadar bayaran *diyat* bagi kecederaan anggota badan bergantung kepada tahap kepentingan (fungsi) dan jumlah anggota badan yang terlibat dan *diyat* penuh akan dikenakan. Contohnya kecederaan melibatkan pemotongan lidah yang akan menghilangkan fungsi percakapan.²⁶

Khalifah Umar Al-Khattab pernah menjatuhkan hukuman empat kali ganda *diyat* penuh kepada pesalah yang memukul mangsa sehingga menyebabkan kehilangan deria penglihatan, pendengaran, akal dan fungsi kemaluhan.²⁷

Diyat penuh juga akan dikenakan kepada pesalah yang menyebabkan kecederaan anggota badan yang berpasangan seperti kedua-dua tangan terputus daripada pergelangannya, kedua-dua kaki, hidung iaitu bahagian hidung yang lembut terdiri daripada kedua-dua lubang dan pemisahnya.

Dalil bagi situasi ini berpandukan kepada surat Rasulullah SAW kepada penduduk Yaman, kandungan surat tersebut adalah seperti berikut:²⁸

"... bahawa pada nyawa *diyatnya* 100 ekor unta, pada hidung yang terpotong ada *diyat*, pada lidah ada *diyat*, pada dua bibir ada *diyat*, pada dua buah zakar ada *diyat*, pada zakar ada *diyat*, pada tulang sulbi ada *diyat*, pada dua mata ada *diyat*, pada satu kaki ada sepatuh *diyat*, pada luka *ma'mumah* (luka yang tembus ke otak) seperti *diyat*, pada luka *munaqillah* (luka yang menyebabkan tulang berpindah) 15 ekor unta, pada setiap jari kaki dan jari tangan 15 ekor unta, pada gigi 5 ekor unta dan pada jari *mudihah* (luka yang menampakkan tulang) 5 ekor unta."

Berdasarkan dalil tersebut, kadar *diyat* bagi jenayah kecederaan boleh dibahagikan kepada dua iaitu:

1. *Diyat* anggota badan: ia meliputi dua aspek iaitu anggota tunggal dan anggota berpasangan.

Anggota tunggal yang terdapat pada badan manusia ialah hidung, lidah, zakar atau kemaluan, tulang sulbi dan lain lagi. Setiap satunya wajib dikenakan satu *diyat* menyamai 100 ekor unta.

Kadar *diyat* anggota berpasangan pula merujuk kepada tangan, mata, telinga, buah dada, rahang dan lain-lain anggota yang berpasangan dan *diyat*nya adalah kadar sempurna iaitu 100 ekor unta. Kadar *diyat* menjadi setengah (1/2) sekiranya sebelah anggota sahaja yang dicederakan. Manakala kadar *diyat* bagi anggota yang bersepuluh seperti jari kaki dan tangan dikira 1/10 bagi setiap satu dari anggota tersebut.²⁹

2. *Diyat* luka: hukuman ini dinamakan sebagai *arsy*. Sekiranya kadar luka tidak mencapai tahap *arsy*, maka boleh dikenakan *hukumah* terhadap pelakunya iaitu hakim mempunyai kebebasan untuk menentukan kadar *diyat*.

Luka yang dikenakan *arsy* terbahagi kepada beberapa bahagian³⁰ iaitu:

- a. *Al-Mudhiah arsynya* berjumlah 5 ekor unta.
- b. *Al-Hasyimah, arsynya* berjumlah 10 ekor unta.
- c. *Al-Munaqgilah, arsynya* berjumlah 15 ekor unta.
- d. *Al-'Ammah, arsynya* berjumlah 1/3 *diyat* sempurna.
- e. *Al-Damighah, arsynya* berjumlah 1/3 kerana ulama menyamakan lukanya seperti *al-'ammah* kerana mengancam nyawa dan membawa kepada kematian.
- f. *Ja'ifah, arsynya* berjumlah 1/3 *diyat* sempurna.

Kesimpulannya, dalam menetapkan jenis kesalahan yang boleh dikenakan hukuman *diyat*, fuqaha mengambil kira kesalahan-kesalahan yang diperuntukan di bawah hukuman qisas. Bagaimanapun, perubahan hukuman ini berlaku apabila timbul beberapa situasi yang telah dibincangkan sebelum ini.

KADAR DIYAT DALAM KESALAHAN JENAYAH TERTENTU

Kadar *diyat* secara asasnya telah ditetapkan iaitu 100 ekor unta yang sempurna sifatnya. Bagaimanapun, terdapat beberapa permasalahan semasa dibangkitkan dan menyebabkan wujudnya perbezaan kadar di kalangan jenayah tertentu.

DIYAT ANAK DALAM KANDUNGAN (JANIN)

Menurut Imam al-Ghazali, hayat dan usia janin bermula apabila telur lelaki (sperma) bercampur dengan telur

wanita (ovum). Pada peringkat ini, adalah dilarang memusnah atau membinasakan janin tersebut. Pandangan ini bersamaan dengan pandangan Imam Malik yang berpendapat bahawa janin adalah segala yang terkandung dalam rahim wanita walaupun segumpal darah dan belum berbentuk sebarang rupa.³¹

Jika janin (sama ada lelaki atau perempuan) itu mati disebabkan perbuatan jenayah (sama ada sengaja atau tidak) terhadap ibunya tetapi ibunya kekal hidup, maka hukuman terhadap pesalah ialah *diyat ghurrah* iaitu memerdekaan seorang hamba yang terpilih sama ada lelaki atau perempuan. Ianya jelas dinyatakan dalam hadith riwayat Bukhari dan Muslim³² yang bermaksud:

(Bahawa Nabi SAW telah menghukumi dalam janin dengan hamba sahaya lelaki atau perempuan).

Ghurrah bererti putih pada warna kuda. ‘Amr bin ‘Ala mensyaratkan bahawa hamba tersebut mestilah berkulit putih tetapi kebanyakkan ulama lain tidak mensyaratkan seperti itu. Sebahagian penulisan menyatakan sekiranya ibu mengandung dengan sengaja menggugurkan janinnya, maka si ibu juga wajib dikenakan *ghurrah*.

Terdapat riwayat lain menyatakan bahawa kadar *diyat ghurrah* ialah 500 dirham atau 100 ekor kambing dan pendapat lain pula menyatakan nilainya adalah 5 ekor unta.³³

Sekiranya janin tersebut lahir lalu meninggal dunia, maka *diyat*nya adalah sempurna iaitu 100 ekor unta. Namun, sekiranya bayi tersebut adalah perempuan, maka *diyat* yang dikenakan adalah 50 ekor unta sahaja.³⁴

DIYAT WANITA

Kadar bagi *diyat* ini ialah *diyat* sempurna sekiranya mangsa adalah seorang lelaki. Sekiranya mangsa adalah seorang wanita maka hukumannya seperti berikut:

1. Umar r.a, Ali r.a, Ibn Mas'ud r.a dan Zaid ibn Thabit r.a bersepakat bahawa kadar *diyat* wanita bagi kesalahan jenayah pembunuhan adalah separuh iaitu kadar *diyat* sempurna daripada *diyat* lelaki.³⁵
2. Rabi'ah Ibn Abd Rahman mengatakan bahawa *diyat* perempuan merdeka adalah sebanyak 500 dinar atau 6000 dirham. Pendapat ini merupakan ijma sahabat yang kemudiannya diterima oleh fuqaha terkemudian.³⁶ Penentuan kadar ini berdasarkan kepada kadar pewarisan harta wanita yang separuh daripada kadar perwarisan harta lelaki.³⁷

Aspek yang diperselisihkan oleh ulama ialah kadar *diyat* kecederaan wanita. Terdapat dua pendapat dalam masalah iaitu:

1. Pendapat pertama menyatakan kadar *diyat* kecederaan wanita sama seperti lelaki dengan syarat tidak melebihi 1/3 kadar *diyat* sempurna. Contohnya sekiranya seorang wanita dipotong satu jari, maka kadarnya 10 ekor unta, sekiranya dua jari 20 ekor unta, sekiranya tiga jari maka 30 ekor unta dan jari yang keempat akan menjadi kadarnya 20 ekor unta

semula.³⁸ Ini adalah bersandarkan kepada hadith Rasulullah SAW yang bermaksud:

Tanggungan seorang wanita adalah sama dengan tanggungan sorang lelaki sehingga sampai satu pertiga.

2. Pendapat kedua menyatakan bahawa kadar *diyat* wanita adalah 1/2 daripada *diyat* lelaki. Pendapat ini dipegang oleh sebahagian ulama mazhab Hanafi dan Shafi'i kerana kadar itu telah diseragamkan bagi mengelakkan berlaku ketidakadilan terhadap mangsa dan pesalah.³⁹

DIYAT AHLI KITAB

Diyat ahli kitab dikenakan bagi jenayah pembunuhan tanpa niat (tersalah bunuh) dan akan dikenakan 1/2 *diyat* orang Islam. Sekiranya perempuan daripada kalangan ahli kitab pula *diyat*nya ialah 1/2 daripada nilai *diyat* perempuan muslimah. Manakala *diyat* bagi orang Yahudi, Nasrani dan kafir *dhimmi* adalah seperti *diyat* orang Islam.

Ketika pemerintahan Khalifah Mu'awiyah, sebahagian *diyat* ini akan dimasukkan ke dalam baitulmal dan sebahagian sahaja diberikan kepada waris kafir *dhimmi*. Kaedah ini diteruskan sehingga pemerintahan Khalifah Umar Abd. Aziz yang kemudiannya menghapuskan nilai yang dimasukkan ke dalam Baitulmal.⁴⁰

PENENTUAN SISTEM DALAM PELAKSANAAN PEMBAYARAN DIYAT

Secara umumnya, perbahasan dan perbincangan nilai pembayaran *diyat* tertakluk kepada sistem nilai untan. Bagaimanapun, sejarah sistem kehakiman dan perundangan Islam berkaitan pelaksanaan *diyat* ini telah berkembangkan dan mata wang serta barang turut diguna pakai untuk membayar *diyat*.

Sistem nilai untan sebagai alat pembayaran *diyat* menjadi keutamaan pada zaman Rasulullah SAW. Sistem ini kemudiannya dipermudahkan lagi kepada pemakaian sistem mata wang iaitu dinar atau dirham dengan nilai 800 dinar dan 8000 dirham. Ketika pemerintahan Khalifah Umar al-Khattab, kadar dinar dan dirham diseragamkan kepada 1000 dinar dan 12 000 dirham berdasarkan perubahan ekonomi semasa dan nilai pasaran untan.

Pada zaman pemerintahan khalifah Umar r.a. pula, sistem pembayaran *diyat* diperkemas dan dikembangkan lagi dengan pelaksanaan pembayaran *diyat* menggunakan haiwan ternakan dan barang iaitu pakaian. Ianya bersandarkan kepada hadith yang diriwayatkan oleh Abu Daud dari Amri bin Syu'ib dari ayahnya dari datuknya bahawa:

Pada zaman Rasulullah SAW nilai tebusan *diyat* adalah 800 dinar atau 8000 dirham, sedangkan *diyat* bagi ahli kitab adalah setengah dari *diyat* kaum muslimin. Ia berkata lagi; "Hal itu terus berlangsung hingga Umar diangkat menjadi khalifah, dan

saat berpidato ia berkata: "Ketahuilah, sesungguhnya harga unta telah naik." Perawi berkata lagi, "Maka Umar mewajibkan bagi pemilik emas untuk membayar *diyat* sebanyak 1000 dinar, bagi pemilik perak 12 000 dirham, bagi pemilik sapi sebanyak 200 ekor sapi, bagi pemilik kambing sebanyak 2000 kambing, dan bagi pemilik pakaian sebanyak 200 pasang baju." Ia (perawi) berkata: "Sementara *diyat* untuk ahli dzimmah tidak dinaikkan sebagaimana *diyat* yang lainnya."

Hadith ini dijustifikasi oleh al-Albani dalam 'Irwa' al-Ghali'.⁴¹ Berdasarkan dalil tersebut, dapat dikenal pasti telah berlaku perubahan dalam peruntukan perlaksanaan hukuman *diyat* menurut Islam. Penentuan dan perubahan kadar nilai hukuman bertujuan menjamin kemaslahatan dan memudahkan urusan masyarakat.

Perubahan kadar nilai hukuman ini dipersepuji oleh Abu Yusuf, Muhammad dan Ahmad yang berpendapat bahawa *diyat* wajib diambil daripada enam jenis iaitu unta, emas, perak, lembu, kambing, dan pakaian. Lima jenis pertama dianggap sebagai *diyat* asal oleh mazhab Hanbali sementara persalinan pakaian bukanlah *diyat* asal. Menurut riwayat Ahmad pula pakaian adalah bahan asal seperti mana hadith sebelum ini.

Walaupun sistem pembayaran *diyat* telah berkembang mengikut zaman, para ulama Shafi'i berpandangan bahawa kadar asal 100 ekor unta perlu diutamakan jika berkemampuan.

Dari aspek fizikal unta yang dijadikan bayaran *diyat*, ia perlu bebas daripada sebarang kecacatan sebelum diserahkan kepada keluarga mangsa. Jika unta sukar didapati atau diperolehi, maka *diyat* wajib dibayar dengan menggunakan sistem mata wang tempatan iaitu dinar dan emas bersandarkan nilai semasa unta. Hujah ini disokong dengan pendapat akal bahawa sesuatu yang dijamin dengan sejenis benda (unta), jika tidak didapati maka wajiblah diberikan nilainya.

Kesimpulannya, perubahan yang diambil oleh negara Islam yang ingin melaksanakan perundangan hukuman *diyat* perlu beralih kaedah kepada pemakaian sistem mata wang semasa.

ANALISIS KEWAJARAN PENGGUNAAN EMAS DAN DIRHAM DALAM PEMBAYARAN DIYAT

Perbahasan mengenai pembayaran *diyat* menggunakan mata wang semasa bagi menggantikan unta adalah sangat penting bagi merungkai persoalan semasa berkaitan *diyat*. Kesukaran bagi negara-negara seperti Malaysia, Brunei dan negara-negara asia untuk mendapatkan unta dan nilai semasa unta adalah sangat tinggi jika diimport dari tanah Arab.

Haron Din menjelaskan bahawa unta adalah contoh atau simbolik yang menggantikan sistem mata wang kerana suasana masyarakat Arab pada ketika itu menjadikan unta sebagai sandaran harta yang mengukur kekayaan seseorang. Menurut beliau, *diyat* boleh dilaksanakan dan dibayar dalam bentuk mata wang

berdasarkan kepada nilai semasa unta. Objektif yang ditekankan dalam hukuman pembayaran *diyat* ialah menepati kehendak syarak dengan mengimbangi 100 ekor unta bagi nilai yang sederhana dan bukan di waktu inflasi atau sebagainya.⁴²

Pendapat ini didasari dengan hujah ulama terdahulu iaitu unta bukan menjadi asas utama kepada bayaran berkenaan. Fuqaha melihat unta sekadar salah satu dari tiga perkara asas selain wang emas (dinar) dan wang perak (dirham). Ini bermaksud, *diyat* boleh dibayar dalam bentuk salah satu daripada tiga harta utama di atas tanpa terikat kepada unta sahaja. Asas kepada pandangan mereka ini ialah *athar* daripada Khalifah Umar r.a. Hujahan lain yang menjadi sandaran dalam perihal ini ialah wang emas dan wang perak adalah bernilai tetap dan tidak berubah seperti nilai unta.

Imam al-Khattabi berpendapat bahawa Rasulullah SAW telah menetapkan nilai *diyat* terhadap pesalah jenayah berdasarkan hadith dengan mengambil kira unta sebagai harta bernilai masyarakat pada ketika itu. Pada zaman baginda, harga unta berbanding emas mencecah 800 dinar, manakala harga perak pula 8000 dirham. Keadaan itu berterusan sehingga ke era Khalifah Umar r.a. yang menyaksikan kenaikan harga unta berbanding emas yang mencecah 1000 dinar dan perak pula sebanyak 12 ribu dirham.⁴³

Fuqaha juga bersetuju sekiranya tiada unta untuk dijadikan bayaran *diyat*, maka harus diganti dalam bentuk emas dan perak. Ia berdasarkan hadith yang diriwayatkan oleh Abu Daud dari Amri bin Syu'ib dari ayahnya dari datuknya bahawa pembayaran *diyat* dengan mata wang pernah dilakukan oleh Rasulullah SAW. Baginda juga memberikan panduan kadar dinar dan dirham yang dijadikan nilai bayaran *diyat* sekiranya terdapat kekangan bagi mendapatkan unta.

Imam Malik dan Imam Abu Hanifah juga berpendapat bahawa pembayaran *diyat* boleh dilakukan dengan emas atau perak atau mata wang yang setara dengan nilai unta.

Mengulas isu ini, keringinan dibenarkan dalam melunaskan pembayaran *diyat* iaitu peralihan daripada penggunaan unta kepada kaedah lain bersesuaian dengan *urf* masyarakat kini. Sistem kewangan dunia semasa tidak lagi menjadikan unta sebagai subjek tukaran mata wang dalam sesuatu transaksi. Setiap negara mempunyai nilai mata wang tersendiri. Oleh itu, bagi memenuhi sistem perundangan Islam dan perubahan semasa, maka pembayaran *diyat* wajar beralih kepada emas dan dirham.

Negara-negara Arab yang menjadi habitat asal unta dan tempat yang mudah untuk mendapatkan unta juga mempraktikkan sistem mata wang dalam urusan perdagangan. Sistem ini semakin berkembang dan dagangan mata wang menjadi aset dalam membangunkan negara dan secara tidak langsung turut mempengaruhi sistem kehakiman dan perundangan negara.

Kesimpulan yang dapat diambil dari hujah dan dalil ulamak terdahulu dan kontemporari ialah wujudnya kesepakatan dalam penggunaan emas dan perak sebagai alat bayaran *diyat*.

ANALISIS NILAIAN EMAS DAN PERAK DALAM PEMBAYARAN DIYAT

Jenis kesalahan dan kadar *diyat* yang dijelaskan sebelum ini telah disepakati pendapatnya dalam kalangan fuqaha. Menurut jumhur, 1000 dinar bersamaan dengan 12 000 dirham berdasarkan hadith Rasulullah yang diriwayatkan daripada 'Amri bin Syu'ib.⁴⁴

Dinar emas dan dirham telah digunakan secara meluas sebelum kedatangan Islam lagi. Khalifah 'Abd al-Malik bin Marwan, merupakan individu pertama yang bertanggungjawab dalam aktiviti menempa wang Dinar dan Dirham Islam. Walaupun terdapat pelbagai usaha lain yang dilakukan oleh pemerintah Islam sebelumnya, namun hanya 'Abd al-Malik bin Marwan dilihat oleh kebanyakan sejarawan bertanggungjawab memurnikan penggunaan wang Dinar dan Dirham Islam.

Kepingan dinar emas pertama dihasilkan berkadar 22 karat (91,70%) dengan berat 4.25 gram. Dirham perak adalah kepingan perak asli (99.95%) dengan berat 2.975 gram. Purata berat 7/10 iaitu 7 dinar berbanding 10 dirham.⁴⁵

Menurut konteks harga pasaran emas di Malaysia pada masa kini, harga emas sering berubah-ubah mengikut harga pasaran dunia. Punca yang menyebabkan perubahan ini adalah seperti perubahan ekonomi dunia disebabkan faktor seperti perperangan, inflasi dan sekatan ekonomi. Namun perubahan dalam pasaran emas tidaklah begitu ketara jika hendak dibandingkan dengan perubahan kadar mata wang. Harga bagi emas jenis 22 karat dengan ketumpatan 91.60% ketulenan emas dengan berat 4.25 gram yang dikeluarkan oleh Kelantan Golden Trade adalah sebanyak RM667.00. Manakala harga perak dengan ketulenan 99.95 peratus dengan berat 2.975 gram pula berharga RM20.⁴⁶

Selain itu, pengeluar dinar emas lain daripada Public Gold memperlihatkan bahawa harga bagi emas 22 karat seperti dinar kelantan menunjukkan harga yang berbeza iaitu RM545.00 manakala nilai dirhamnya mencatatkan harga RM7.80 bagi 1 dirham.⁴⁷

Bank Negara Malaysia pula mengeluarkan emas kijang 24 karat seberat 31.105 gram dengan kepaduan emas 99.9% yang berharga RM6,210.00 dengan RM200.00 bagi setiap gram.⁴⁸

Tinjauan terhadap beberapa pengeluar emas dan dirham kebanyakannya menghasilkan emas 24 karat berbeza seperti dinar emas pertama dalam Islam. Emas dan dirham yang dikeluarkan juga mempunyai nilai yang berbeza dari aspek isi padu dan beratnya. Bagaimanapun, dalam meneliti isu ini, penulis berpendapat bahawa pengeluaran dinar emas dan perak Kelantan Golden Trade

menepati kadar dinar emas yang telah ditetapkan pada zaman khulafa' terdahulu. Oleh itu, sekiranya hukuman *diyat* ingin dilaksanakan di Malaysia, dinar dan dirham keluaran Kelantan Golden Trade boleh dijadikan asas dalam menyelaras kerangka sistem perundangan.

PENENTUAN NILAI EMAS DAN PERAK BERDASARKAN MATA WANG DI MALAYSIA

Setiap negara mempunyai mata wang tersendiri seperti ringgit Malaysia, *dolar*, *pound*, *rupee* dan lain-lain bagi melaksanakan transaksi perniagaan dan pelaburan. Oleh itu dalam usaha untuk melaksanakan pembayaran *diyat* di Malaysia, maka tukaran nilai perlu dilakukan bagi memenuhi kehendak syarak seperti yang telah diperundangkan.

Setiap kesalahan yang berkaitan dengan pembunuhan dan kecederaan mempunyai nilai *diyat* yang tertentu. *Diyat* yang sempurna adalah sebanyak 1000 dinar atau 12000 dirham sekiranya tidak mampu melunaskannya dalam bentuk 100 ekor unta. Jika dinilaikan dengan menggunakan mata wang Malaysia (RM) ialah:⁴⁹

$$1 \text{ dinar} = \text{RM}667.00$$

$$1 \text{ dirham} = \text{RM}20.00$$

$$1000 \text{ dinar} = \text{RM}667 \times 1000 = \text{RM}667\,000$$

$$12000 \text{ dirham} = \text{RM}20 \times 12000 = \text{RM}240\,000$$

Oleh itu, bagi menepati piawaian semasa dan tuntutan syarak, sekiranya berlaku kes pembunuhan sengaja, maka kadar *diyat* dinar yang dikenakan adalah berjumlah RM667,000 bagi lelaki. Sekiranya mangsa tersebut adalah wanita, kadar dinar yang dipersetujui ialah 1/2 bahagian daripada lelaki iaitu RM335 000.

Bagi *diyat* yang melibatkan anggota bersepuluh iaitu jari kaki dan tangan, maka kadarnya adalah 1/10 kadar unta menyamai 100 dinar atau 1200 dirham dengan nilai mata wang Malaysia ialah RM6670.00 dan kiraan dirham ialah RM24 000.

Kiraan ini berturut-turut iaitu nilai *diyat* perlu diselesaikan dahulu sebelum ditukar kiraannya ke dalam bentuk mata wang Malaysia. Kiraan ini terpakai bagi setiap kesalahan yang disabitkan dengan hukuman *diyat* namun perlu diselesaikan asal masalah kiraan. Walaupun nilai dinar dan dirham berubah mengikut karat dan berat yang berbeza, konsep asal yang diketengahkan dalam kiraan adalah sama kerana kadar *diyat* telah disepakati ulama tanpa diubah kedudukannya kecuali nilaiannya sahaja berubah berdasarkan mata wang.

Bagaimanapun, nilaiannya ini mungkin berubah mengikut peredaran ekonomi dunia. Oleh itu, dalam menetapkan kadar nilai *diyat* memerlukan kajian dan tenaga pakar dalam usaha memurnikan lagi sistem perundangan ini. Peruntukan Undang-undang Kod Sivil Kuwait 1980 sebagai contoh menetapkan kadar *diyat* KD 10,000 bagi kesalahan membunuh. Akta Bidangkuasa Mahkamah Moslem Jordan 1952 pula menetapkan kadar

diyat 333 dinar manakala Palestin menetapkan 100 *pound* sebagai kadar *diyat*.⁵⁰

Perbezaan penetapan kadar ini melihat kepada faktor ekonomi setempat seperti mana tindakan Khalifah Umar r.a yang membuat perubahan kadar *diyat* bergantung kepada nilai ekonomi. Aplikasi ini sewajarnya membuka peluang kepada cendekiawan dan sarjana Islam Malaysia mengkaji dan membentuk suatu nilai tetap yang bersesuaian dengan *urf* Malaysia.

Gantian dinar dan dirham di Malaysia dalam sistem perundangan melibatkan hukuman *diyat* mempunyai ruang untuk dilaksanakan di Malaysia terutamanya apabila kerajaan negeri Kelantan mula menghasilkan semula dinar dan dirham yang menepati piawai sistem Islam ketika era kegemilangannya.

PERLAKSANAAN KAEDAH PEMBAYARAN *DIYAT* DALAM KERANGKA PERUNDANGAN

Mengulas isu ini dan dirujuk kepada nilai tukaran mata wang yang besar, timbul persoalan bagaimana perlaksanaan pembayaran *diyat* boleh dilakukan oleh pelaku jenayah setelah sabit kesalahan di Mahkamah.

Fuqaha bersepakat bahawa bagi kes yang melibatkan pembunuhan sengaja dan seumpama sengaja, wajib ke atas pesalah membayarnya dengan kadar segera dari harta penjenayah.⁵¹ Pembunuhan tersalah dan juga kes kecederaan pula boleh dibayar secara ansuran selama tiga tahun dan dibantu oleh ahli keluarga pesalah atau '*aqilah*'.⁵² Menurut Imam Shafi'i dan Imam Ahmad ibn Hanbal, tempoh masa pembayaran *diyat* bermula dari hari kematian mangsa manakala Imam Hanafi berpendapat ia bermula setelah prosiding mahkamah selesai.⁵³

Bagaimanapun, persoalan timbul apabila wujud situasi pesalah pembunuhan sengaja tidak mempunyai sumber tunai yang mencukupi untuk melunaskan tuntutan hukuman dengan segera seperti mana Satinah warganegara Indonesia yang didapati bersalah membunuh majikannya di Arab Saudi dan dengan budi bicara ahli waris, beliau dikehendaki membayar Rp 21 million bersamaan 7 juta riyal. Selain itu, kes di Pakistan, Rehan didapati bersalah membunuh telah dihukum qisas dengan digantung mati setelah pihak keluarga mangsa dan keluarga pesalah gagal mencapai kata sepakat berkenaan kadar *diyat*.⁵⁴

Hadith yang diriwayatkan oleh Ibn Syihab daripada Rasulullah menyatakan bahawa para '*aqilah* tidak bertanggungjawab memikul beban *diyat* pembunuhan sengaja kecuali jika mereka mengkehendakinya.⁵⁵

Berdasarkan hadith tersebut, Rasulullah SAW jelas memberi panduan bahawa '*aqilah* dengan kerelaannya boleh membantu pesalah pembunuhan sengaja melunaskan bayaran *diyat* apabila pesalah menghadapi masalah kewangan. Tindakan ini tidak bertentangan dengan syarat *diyat mughallazah* iaitu harta pesalah wajib digunakan sebagai bayaran *diyat* malahan bantuan dari '*aqilah* menepati konsep hikmah pensyariatan *diyat*.

Kaedah ini turut diaplikasikan bagi *diyat mukhaffafah*. ‘*Aqilah* ialah pihak yang menanggung pembayaran *diyat* bagi pihak penyebab kecederaan atau kematian secara tidak sengaja dan pihak tersebut tidak boleh menuntut kembali bayaran yang telah dibuat kepada pihak yang melakukan kesalahan.⁵⁶

Kebiasaannya ‘*aqilah* terdiri daripada ahli keluarga pesalah. Majoriti fuqaha Maliki, Hanbali, Shafi’i dan Zahiri berpendapat bahawa ‘*aqilah* ialah waris lelaki pesalah. Fuqaha Hanafi pula berpendapat bahawa ‘*aqilah* ialah Ahli Diwan iaitu kelompok tentera Islam yang menerima gaji dari baitulmal, jika pesalah bukan Ahli Diwan, maka tanggungjawab tersebut terletak kepada waris lelaki.⁵⁷

Rasulullah SAW pernah membantu membayar *diyat* bagi seorang Ansar yang tidak mempunyai ‘*aqilah*. Imam al-Shafi’i, Imam al-Zuhri dan Imam Ahmad berpendapat bahawa pelaku jenayah yang tidak mempunyai keluarga atau ‘*aqilah*, *diyatnya* dikeluarkan dari baitulmal atau perbendaharaan negara berdasarkan tindakan Rasulullah saw tersebut.⁵⁸ Tindakan ini juga pernah dilakukan oleh Khalifah Umar al-Khattab atas kapasitinya selaku pemerintah atau ketua kerajaan.

Konteks semasa Malaysia memperlihatkan pendapatan isi rumah dinilai dengan kadar *diyat* menghasilkan keputusan yang amat mustahil bagi pesalah melunaskan tuntutan hukuman tersebut. Oleh itu, situasi ini memerlukan suatu kaedah baru mengambil kira pendekatan semasa. Yusuf al-Qardhawi menegaskan salah satu keistimewaan fiqh Islam ialah kemampuannya untuk berkembang dan diperbaharui serta sifatnya yang fleksibel. Sehubungan dengan itu, al-Qardhawi menekankan keperluan kepada ijтиhad baru yang berasaskan nilai-nilai kontemporari.⁵⁹

Imam Nawawi melihat kaedah pembayaran cukai secara klasik tidak lagi bersesuaian apabila diterapkan dalam pengamalan semasa, pembayar cukai berjumpa dengan pengutip cukai dan kemudian hasil cukai tersebut berpindah secara tangan seperti membayar hutang iaitu transaksi berlaku antara dua pihak pada suatu masa. Menurut al-Nawawi, pendekatan semasa adalah lebih relevan iaitu pembayaran boleh dibuat menerusi kredit kad, deposit pembayaran, tunai dan lain-lain lagi bagi memudahkan sistem pembayaran.⁶⁰

Berdasarkan perubahan semasa dan pendekatan fiqh *waqi’* seperti mana yang ditekankan oleh al-Qardhawi, kaedah pembayaran *diyat* boleh dioptimumkan seperti mana bayaran zakat seperti yang diamalkan. Bagi kes pembunuhan sengaja, harta yang dimiliki oleh pesalah seperti rumah, kereta dan apa-apa aset lain boleh dilelong dan hasilnya diserahkan kepada ahli waris bersesuaian dengan konsep hutang. Kaedah ini tidak bertentangan dengan konsep pembayaran *diyat mugallazah* malahan seperti yang dibincangkan sebelum ini menepati pensyariatan tersebut. Sekiranya kadar tersebut masih tidak mencukupi, baitulmal menurut Imam Shafi’i, Imam Ahmad dan Imam Abu Hanifah boleh mengambil alih

dengan menanggung bahagian yang masih berkurangan⁶¹ setelah dicampur semua harta pesalah dan bahagian harta yang dikeluarkan ‘*aqilah*. Bagaimanapun, isu utama yang perlu diketengahkan dan diutamakan ialah adakah pihak ahli waris dengan budi bicara bersetuju untuk melewatkkan pembayaran *diyat* melihat kepada proses-proses yang perlu dilaksanakan bagi melelong harta.

Amalan semasa di mahkamah memperlihatkan bahawa walaupun mahkamah mempunyai bidang kuasa mensabitkan hukuman, persetujuan dan budi bicara pihak yang menuntut juga mempunyai peranan besar dalam membantu pihak mahkamah. Hal ini bersandarkan bahawa mahkamah sebagai penegak keadilan kepada mangsa dan budi bicara mangsa untuk menyelesaikan sesuatu pertikaian secara aman menjadi keutamaan dalam mempercepatkan prosiding kes. Oleh itu, sekiranya pihak ahli waris memberi tempoh ruang dan peluang kepada pesalah melunaskan nilai hukuman *diyat* maka secara tidak langsung memberi kebaikan kepada ahli waris.

Kaedah potongan gaji juga boleh dikaji dan disesuaikan pengamalannya bagi melunaskan *diyat* yang dikenakan terhadap pesalah dengan syarat tertentu dan penjamin. Konsep potongan skim gaji dalam amalan semasa kebiasaannya dilakukan atas dasar hutang terhadap bank, bagaimanapun dioptimumkan kerana wujudnya hutang (pampasan *diyat*) kepada ahli waris.

Alternatif lain ialah seperti mana isu terkini yang dibahaskan oleh sarjana Islam serta ahli akademik yang melihat amalan yang menyerupai konsep ‘*aqilah* ialah konsep takaful yang dijadikan asas kepada insuran patuh syariah pada hari ini. Bagaimanapun, sistem ini tidak lagi wujud pada masa kini mahu pun di tanah Arab.⁶²

Institusi insurans boleh berperanan sebagai ‘*aqilah* kerana tujuan pembentukan institusi ini menyerupai maksud ‘*aqilah* iaitu bantu-membantu dan jamin menjamin. Peranan ‘*aqilah* adalah untuk mengurangkan bebanan terhadap pembayaran *diyat* yang ditanggung dan memelihara darah mangsa bunuh yang tidak bersalah melalui pemberian pampasan. Kewujudan institusi ini juga dapat memperluaskan bebanan bayaran pampasan ke atas pencarum-pencarum yang secara sukarela menyumbang untuk mengurangkan bebanan yang lain.⁶³ Kepakaran bidang insuran ini juga boleh dijadikan aset membantu mahkamah dalam menilai tahap kecederaan yang dialami oleh mangsa bagi menetapkan hukuman yang sewajarnya.

Kesimpulannya, perlaksanaan *diyat* mengikut ajaran Islam tidak boleh dijalankan secara tergesa-gesa tanpa kajian secara terperinci memandangkan setiap hukumannya itu melibatkan pelbagai pihak. Cadangan yang diutarakan mempunyai nilai tambah tersendiri tetapi memerlukan penitian yang mendalam. Kedudukan ahli waris mangsa dalam bahagian ini menjadi keutamaan kerana perbahasan memperlihatkan aspek melunaskan bayaran memerlukan suatu tempoh tertentu dengan proses dan prosedur tertentu bagi memastikan sifat keadilan itu terjaga.

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan yang telah dibuat mengenai nilai emas dan perak dalam pembayaran *diyat* ini dapat dilihat bahawa sistem jenayah dan pembalasan Islam ini merupakan satu sistem yang boleh diterima pakai oleh semua golongan tidak mengira tempat dan zaman. Perkembangan ekonomi dan penghasilan dinar serta dirham menjadi titik tolak kepada dasar hukuman *diyat* dalam Islam kembali diperkasakan.

Kemudahan yang diketengahkan dari aspek kaedah pembayaran dan keringanan *diyat* dilihat mampu membentuk era baru dalam sistem perundangan syariah di Malaysia. Bagaimanapun, beberapa perubahan perlu dilakukan antaranya bidang kuasa jenayah pembunuhan dan kecederaan perlu diletakkan di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah bagi memudahkan hakim meneliti kes sesuai dengan perlaksanaan yang dilakukan ketika era kegemilangan Islam dan sistem perundangan yang berteraskan tiga tuggak utama iaitu hudud, qisas dan ta'zir. Perlaksanaan hukuman *diyat* dilihat mampu dilaksanakan berdasarkan situasi semasa dan sokongan dari aspek kajian terhadap emas dan kerangka hukuman.

Pengharmonian antara sistem undang-undang sivil dan syariah dapat membuka ruang kembali agar hukuman berteraskan Islam dilaksanakan sepenuhnya. Kefahaman fiqh semasa oleh masyarakat menunjukkan bahawa *diyat* bukan satu hukuman bersifat menekan dan menindas malahan menjadi asbab kepada berkurangnya jenayah dalam kalangan masyarakat. Penekanan terhadap kepentingan maqasid syariah yang diaplifikasi menerusi perlaksanaan hukuman *diyat* mampu menjaga keharmonian masyarakat. Bagaimanapun, banyak aspek dan bahagian yang perlu dikaji secara mendalam seperti bidangkuasa mahkamah, sistem pembayaran, tempoh bayaran, penguatkuasaan undang-undang dan institusi yang bertanggungjawab mengurus dana *diyat* bagi memastikan sistem ini dapat dilaksanakan secara komprehensif berbanding yang dilakukan oleh negara Islam lain yang cenderung ke arah konservatif.

NOTA

- ¹ Muhammad Najib Abdullah, Hasnizam Hashim, Nabilah Yusof, Haliza A.Shukor, Norman Zakiyy Chow Jen T'Chiang, Intan Nadia Ghulam Khan, *Diyat Dalam Perundangan Islam*, Penerbit USIM, Negeri Sembilan, 2012, hlm 39.
- ² Muhammad Najib Abdullah, Hasnizam Hashim, Nabilah Yusof, Haliza A.Shukor, Norman Zakiyy Chow Jen T'Chiang, Intan Nadia Ghulam Khan, *Diyat Dalam Perundangan Islam*, Penerbit USIM, Negeri Sembilan, 2012, hlm 9.
- ³ al-Sarakshi, Ahmad ibn al-Tayyib al-Sarakhsyi, *Al-Mabsut*, Jil 26, Dar Al-Ma'rifah, Beirut, 1993, hlm 58.
- ⁴ al-Rasa', Muhammad al-Ansari al-Rasa', *Syarah Hudud Ibn Arfah*, Jil 2, Dar al-Ghar al-Islami, Beirut, 1993, hlm 621.
- ⁵ al-Syarbini, Muhammad Khatib al-Syarbini, *Mughni Muhtaj*, Jil 4, Maktabah Mustafa al-Babi al-Halabi, Kaherah, 1958, hlm 53.
- ⁶ 'Awadah, Abdul Qadir 'Awadah, *Al-Tasyrik al-Jinaiyy al-Islamiyy*, Ed 14, Jil 2, Maktabah al-Risalah, Beirut, 1998, hlm 176.

- ⁷ Haron Din, *ISLAM: Keadilan Membebaskan Manusia*, PTS Publication & Distributor Sdn Bhd, Selangor Darul Ehsan, 2007, hlm 127.
- ⁸ Paizah Ismail, *Pelaksanaan Diyat Dalam Kerangka Perundangan Di Malaysia: Cabaran Fiqh Semasa*, Jurnal Fiqh, Jurnal Syariah 5, Bil 5, 2012, hlm 3.
- ⁹ al-Jazairi, Abdul Rahman al-Jazairi, *Fiqh 4 Mazhab*, Perniagaan Jahabersa, Johor Darul Takzim, 2011, hlm 763.
- ¹⁰ Sa'id Ibrahim, *Qanun Jinayah Syar'iyyah dan Sistem Kehakiman dalam Perundangan Islam Berdasarkan Quran dan Hadith*, Dar Ma'rifah, Kuala Lumpur, 1996, hlm 209.
- ¹¹ HM Yusuf Sinaga MA & Muhammad Harun Zain, *Al-Mu'tamad-Fiqh Imam Shaf'i*, Terj, Jil 5, Berlian Publication Sdn Bhd, Kuala Lumpur, 2009, hlm 351.
- ¹² Muhammad Najib Abdullah, Hasnizam Hashim, Nabilah Yusof, Haliza A.Shukor, Norman Zakiyy Chow Jen T'Chiang, Intan Nadia Ghulam Khan, *Diyat Dalam Perundangan Islam*, Penerbit USIM, Negeri Sembilan, 2012, hlm 39.
- ¹³ Paizah Ismail, *Pelaksanaan Diyat Dalam Kerangka Perundangan Di Malaysia: Cabaran Fiqh Semasa*, Jurnal Fiqh, Jurnal Syariah 5, Bil 5, 2012, hlm 4.
- ¹⁴ Bulan mulia (haram) ialah bulan yang diharamkan pertumpahan darah iaitu Zulkaedah, Zulhijjah, Muharram dan Rejab.
- ¹⁵ Mat Saad Abd. Rahman, *Undang-undang Jenayah Islam: Jenayah Qisas*, Hizbi, Selangor Darul Ehsan, 1990, hlm 60.
- ¹⁶ Ibn Qudamah, Mufiquddin Abdullah bin Ahmad, *Al-Mughni*, Jil 7, Dar al-Kutub al-Islamiyy, Beirut, 1990, hlm 769.
- ¹⁷ Sa'id Ibrahim, *Qanun Jinayah Syar'iyyah dan Sistem Kehakiman dalam Perundangan Islam Berdasarkan Quran dan Hadith*, Dar Ma'rifah, Kuala Lumpur, 1996, hlm 488.
- ¹⁸ al-Jazairi, Abdul Rahman al-Jazairi, *Fiqh 4 Mazhab*, Perniagaan Jahabersa, Johor Darul Takzim, 2011, hlm 763.
- ¹⁹ Muhammad Fathi Yusof, *Undang-undang Jenayah Islam*, t.th.
- ²⁰ al-Zuhaili, Wahbah al-Zuhaili, *Fiqh Islami Wa Adillatuhu*, Jil 7, Dar al-Fikr, Damsyik, 1997, hlm 5709.
- ²¹ Muhammad Sayyid Sabiq, *Fiqh Sunnah*, Terj, Jil 5, al-Hidayah Publication, Kuala Lumpur, 2009, hlm 307.
- ²² al-Zuhaili, Wahbah al-Zuhaili, *Fiqh Islami Wa Adillatuhu*, Jil 7, Dar al-Fikr, Damsyik, 1997, hlm 5721.
- ²³ Muhammad Sayyid Sabiq, *Fiqh Sunnah*, Terj, Jil 5, al-Hidayah Publication, Kuala Lumpur, 2009, hlm 254.
- ²⁴ Haron Din, *ISLAM: Keadilan Membebaskan Manusia*, PTS Publication & Distributor Sdn Bhd, Selangor, 2007, hlm 128.
- ²⁵ al-Zuhaili, Wahbah al-Zuhaili, *Fiqh Islami Wa Adillatuhu*, Jil 7, Dar al-Fikr, Damsyik, 1997, hlm 5736.
- ²⁶ Muhammad Sayyid Sabiq, *Fiqh Sunnah*, Terj, Jil 5, al-Hidayah Publication, Kuala Lumpur, 2009, hlm 317.
- ²⁷ Muhammad Sayyid Sabiq, *Fiqh Sunnah*, Terj, Jil 5, al-Hidayah Publication, Kuala Lumpur, 2009, hlm 319.
- ²⁸ Sa'id Ibrahim, *Qanun Jinayah Syar'iyyah dan Sistem Kehakiman dalam Perundangan Islam Berdasarkan Quran dan Hadith*, Dar Ma'rifah, Kuala Lumpur, 1996, hlm 222-225.
- ²⁹ Muhammad Najib Abdullah, Hasnizam Hashim, Nabilah Yusof, Haliza A. Shukor, Norman Zakiyy Chow Jen T'Chiang, Intan Nadia Ghulam Khan, *Diyat Dalam Perundangan Islam*, Penerbit USIM, Negeri Sembilan, 2012, hlm 50.
- ³⁰ Muhammad Sayyid Sabiq, *Fiqh Sunnah*, Terj, Jil 5, al-Hidayah Publication, Kuala Lumpur, 2009, hlm 320.
- ³¹ Makiah Tussaripah & Abdul Mukhti Baharuddin, *Penyalahgunaan Teknologi Perubatan Penyumbang Gejala Pengguguran Bayi: Kajian Menurut Perundangan Malaysia dan Islam*, Kertas Kerja, Seminar Hukum Islam Semasa VII, 14-15 Disember 2011. Selangor: Universiti Malaya, 2011, hlm 3.
- ³² HM Yusuf Sinaga MA & Muhammad Harun Zain, *Al-Mu'tamad-Fiqh Imam Shaf'i*, Terj, Jil 5, Berlian Publication Sdn Bhd, Kuala Lumpur, 2009, hlm 354.
- ³³ Muhammad Sayyid Sabiq, *Fiqh Sunnah*, Terj, Jil 5, al-Hidayah Publication, Kuala Lumpur, 2009, hlm 324.

- ³⁴ Muhammad Najib Abdullah, Hasnizam Hashim, Nabilah Yusof, Haliza A. Shukor, Norman Zakiyy Chow Jen T'Chiang, Intan Nadia Ghulam Khan, *Diyat Dalam Perundangan Islam*, Penerbit USIM, Negeri Sembilan, 2012, hlm 60.
- ³⁵ Mat Saad Abd. Rahman, *Undang-undang Jenayah Islam: Jenayah Qisas*. Hizbi, Selangor Darul Ehsan, 1990, hlm 62.
- ³⁶ Syed Ahmad S.A al-Sagoff, *al-Diyat as Compensation for Homicide & Wounding in Malaysia*, Pusat Penyelidikan IIUM, Selangor Darul Ehsan, 2006, hlm 297.
- ³⁷ Mat Saad Abd. Rahman, *Undang-undang Jenayah Islam: Jenayah Qisas*, Hizbi, Selangor darul Ehsan, 1990, hlm 62.
- ³⁸ al-Jazairi, Abdul Rahman al-Jazairi. *Fiqh 4 Mazhab*. Perniagaan Jababera, Johor Darul Takzim, 2011, hlm 766.
- ³⁹ Muhammad Najib Abdullah, Hasnizam Hashim, Nabilah Yusof, Haliza A. Shukor, Norman Zakiyy Chow Jen T'Chiang, Intan Nadia Ghulam Khan, *Diyat Dalam Perundangan Islam*, Penerbit USIM, Negeri Sembilan, 2012, hlm 59.
- ⁴⁰ Muhammad Sayyid Sabiq, *Fiqh Sunnah*, Terj, Jil 5, al-Hidayah Publication, Kuala Lumpur, 2009, hlm 322-323.
- ⁴¹ Muhammad Sayyid Sabiq, *Fiqh Sunnah*, Terj, Jil 5, al-Hidayah Publication, Kuala Lumpur, 2009, hlm 306.
- ⁴² Haron Din, *ISLAM: Keadilan Membebaskan Manusia*, PTS Publication & Distributor Sdn Bhd, Selangor Darul Ehsan, 2007, hlm 129.
- ⁴³ Hakim Zainal & Maheram Ahmad, *Perubahan Nilai Mata Wang Dan Kesannya Terhadap Ekonomi, Sosial dan Politik*, t.th, hlm 457.
- ⁴⁴ Sa'id Ibrahim, *Qanun Jinayah Syar'iyyah dan Sistem Kehakiman dalam Perundangan Islam Berdasarkan Quran dan Hadith*, Dar Ma'rifah, Kuala Lumpur, 1996, hlm 211-212.
- ⁴⁵ Farizan Jaafar & Wan Kamal Mujani, *Sejarah Penggunaan Wang Dinar Dirham Zaman Pemerintahan Bani Umayyah*, t.th, hlm 317.
- ⁴⁶ <http://www.dinarkel.com/harga-semasa.php>. Nilaian ini diambil berdasarkan kadar dinar dan dirham yang dikeluarkan Negeri Kelantan.
- ⁴⁷ <http://www.emasanda.com/Harga%20emas%20dan%20perak%20Public%20Gold.html>. Nilaian ini diambil berdasarkan Public Gold
- ⁴⁸ http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=en_misc&pg=en_misc_kijang&ac=302&lang=en. Nilaian ini berdasarkan pengeluaran Bank Negara Malaysia.
- ⁴⁹ Nilai ini berdasarkan dinar dan dirham yang dikeluarkan oleh Kelantan Golden Trade.
- ⁵⁰ Siti Zubaidah Ismail, *The Modern Interpretation of the Diyat Formula for the Quantum of Damages: The Case of Homicide and Personal Injuries*, Arab Law Quarterly 26 (2012) 361-379, BRILL, 2012, hlm 378.
- ⁵¹ Muhammad Najib Abdullah, Hasnizam Hashim, Nabilah Yusof, Haliza A. Shukor, Norman Zakiyy Chow Jen T'Chiang, Intan Nadia Ghulam Khan, *Diyat Dalam Perundangan Islam*, Penerbit USIM, Negeri Sembilan, 2012, hlm 39.
- ⁵² Zulkifly Muda, *Jenayah Hudud dan Pembunuhan Menurut Perundangan Islam*, Penerbit UMT, Terengganu Darul Iman, 2010, hlm 135.
- ⁵³ Muhammad Najib Abdullah, Hasnizam Hashim, Nabilah Yusof, Haliza A. Shukor, Norman Zakiyy Chow Jen T'Chiang, Intan Nadia Ghulam Khan, *Diyat Dalam Perundangan Islam*, Penerbit USIM, Negeri Sembilan, 2012, hlm 66.
- ⁵⁴ Amnesty International, *Pakistan @ Executions Under the Qisas and Diyat Ordinance*, AI Index: 33/13/95, May 1995, hlm 2-3.
- ⁵⁵ Muhammad Najib Abdullah, Hasnizam Hashim, Nabilah Yusof, Haliza A. Shukor, Norman Zakiyy Chow Jen T'Chiang, Intan Nadia Ghulam Khan, *Diyat Dalam Perundangan Islam*, Penerbit USIM, Negeri Sembilan, 2012, hlm 66.
- ⁵⁶ Ahmad bin Muhammad Husni, Anwar Fakhri Omar, Muhammad Nazir Alias & Muhammad al-Adib Samuri, *Kedudukan Insurans Sebagai Pengganti 'Aqilah Bagi Pembayaran Diyat Dalam Kes Kemalangan Jalan Raya Mengikut undang-undang Islam*, International Jurnal of West Asian Studies EISSN: 2180-4788 Vol. 4 No. 1 (pp 1-12) DOI: 10.5895/ijwas.2012.01. 2012, hlm 3.
- ⁵⁷ Ahmad bin Muhammad Husni, Anwar Fakhri Omar, Muhammad Nazir Alias & Muhammad al-Adib Samuri, *Kedudukan Insurans Sebagai Pengganti 'Aqilah Bagi Pembayaran Diyat Dalam Kes Kemalangan Jalan Raya Mengikut Undang-undang Islam*, International Jurnal of West Asian Studies EISSN: 2180-4788 Vol. 4 No. 1 (pp 1-12) DOI: 10.5895/ijwas.2012.01. 2012, hlm 3.
- ⁵⁸ Zulkifly Muda, *Jenayah Hudud dan Pembunuhan Menurut Perundangan Islam*, Penerbit UMT, Terengganu Darul Iman, 2010, hlm 136.
- ⁵⁹ Paizah Ismail, *Pelaksanaan Diyat Dalam Kerangka Perundangan Di Malaysia: Cabaran Fiqh Semasa*, Jurnal Fiqh, Jurnal Syariah 5, Bil 5, 2012, hlm 5.
- ⁶⁰ Mohd Nasran Mohamad, *Percepts of Islamic Law Regulating Conduct in Warfare Based on an Examination of al-Nawawi Minhaj*, Penerbit UKM, Selangor Darul Ehsan, 2009, hlm 141.
- ⁶¹ Munawarsyah, Rusydi Ali Muhammad & Mohd Din, *Analisis Yuridis Pengaturan Besaran Diyat Terhadap Korban Konflik di Aceh*, Jurnal Ilmu Hukum Pascasarjana Universitas Syiah Kuala, Vol 2, No 2, November 2003, hlm 51.
- ⁶² Paizah Ismail, *Pelaksanaan Diyat dalam Kerangka Perundangan di Malaysia: Cabaran Fiqh Semasa*, Jurnal Fiqh, Jurnal Syariah 5, Bil 5, 2012, hlm 5.
- ⁶³ Ahmad bin Muhammad Husni, Anwar Fakhri Omar, Muhammad Nazir Alias & Muhammad al-Adib Samuri, *Kedudukan Insurans Sebagai Pengganti 'Aqilah Bagi Pembayaran Diyat dalam Kes Kemalangan Jalan Raya Mengikut Undang-undang Islam*, International Jurnal of West Asian Studies EISSN: 2180-4788 Vol. 4 No. 1 (pp 1-12) DOI: 10.5895/ijwas.2012.01. 2012, hlm 9.

RUJUKAN

- 'Awdah, Abdul Qadir 'Awdah. 1998. *Al-Tasyrik al-Jinaiyy al-Islamiyy*. Edisi 14. Jilid 2. Beirut: Maktabah al-Risalah.
- Ahmad bin Muhammad Husni, Anwar Fakhri Omar, Muhammad Nazir Alias & Muhammad al-Adib Samuri. 2012. Kedudukan insurans sebagai pengganti 'aqilah bagi pembayaran diyat dalam kes kemalangan jalan raya mengikut undang-undang Islam. *International Jurnal of West Asian Studies* 4(1): 1-12.
- al-Jazairi, Abdul Rahman al-Jazairi. 2011. *Fiqh 4 Mazhab*. Johor Darul Takzim: Perniagaan Jababera.
- al-Rasa', Muhammad al-Ansari al-Rasa'. 1993. *Syarah Hudud Ibn Arfah*. Jilid 2. Beirut: Dar al-Ghar al-Islami.
- al-Sarakshi, Ahmad ibn al-Tayyib al-Sarakshi. 1993. *Al-Mabsut*. Jilid 26. Beirut: Dar Al-Ma'rifah.
- al-Syarbini, Muhammad Khatib al-Syarbini. 1958. *Mughni Muhtaj*. Jilid 4. Kaherah: Maktabah Mustafa al-Babi al-Halabi.
- al-Zuhaili, Wahbah al-Zuhaili. 1997. *Fiqh Islami Wa Adillatuhu*. Jilid 7. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Amnesty International. 1995. *Pakistan @ Executions Under the Qisas and Diyat Ordinance*. AI Index: 33/13/95.
- Farizan Jaafar & Wan Kamal Mujani. T.th. *Sejarah Penggunaan Wang Dinar Dirham Zaman Pemerintahan Banu Umayyah*.
- Hakim Zainal & Maheram Ahmad. T.th. *Perubahan Nilai Mata Wang Dan Kesannya Terhadap Ekonomi, Sosial dan Politik*.
- Haron Din. 2007. *ISLAM: Keadilan Membebaskan Manusia*. Selangor Darul Ehsan: PTS Publication & Distributor Sdn Bhd.

- HM Yusuf Sinaga MA & Muhammad Harun Zain. 2009. *Al-Mu'tamad-Fiqh Imam Shaf'i'i*. Terj. Jilid 5. Kuala Lumpur: Berlian Publication Sdn. Bhd.
- Ibn Qudamah, Mufiquddin Abdullah bin Ahmad. 1990. *Al-Mughni*. Jilid 7. Beirut: Dar al-Kutub al-Islamiyy.
- Makiah Tussaripah & Abdul Mukhti Baharuddin. 2011. Penyalahgunaan teknologi perubatan penyumbang gejala pengguguran bayi: Kajian menurut perundangan Malaysia dan Islam. Kertas Kerja. Seminar Hukum Islam Semasa VII, 14-15 Disember 2011. Selangor: Universiti Malaya.
- Mat Saad Abd. Rahman. 1990. *Undang-undang Jenayah Islam: Jenayah Qisas*. Selangor Darul Ehsan: Hizbi.
- Mohd Nasran Mohamad. 2009. *Percepts of Islamic Law Regulating Conduct in Warfare Based on an Examination of al-Nawawi Minhaj*. Bangi: Penerbit UKM.
- Muhammad Fathi Yusof. T.th. *Undang-undang Jenayah Islam*.
- Muhammad Najib Abdullah, Hasnizam Hashim, Nabilah Yusof, Haliza A.Shukor, Norman Zakiyy Chow Jen T'Chiang, Intan Nadia Ghulam Khan. 2012. *Diyat Dalam Perundangan Islam*. Negeri Sembilan: Penerbit USIM.
- Muhammad Sayyid Sabiq. 2009. *Fiqh Sunnah*. Terj. Jilid 5. Kuala Lumpur: al-Hidayah Publication.
- Munawarsyah, Rusydi Ali Muhammad & Mohd Din. 2003. Analisis yuridis pengaturan besaran *diyat* terhadap korban konflik di Aceh. *Jurnal Ilmu Hukum Pascasarjana Universitas Syiah Kuala* 2(2).
- Paizah Ismail. 2012. Pelaksanaan *diyat* dalam kerangka perundangan di Malaysia: Cabaran fiqh semasa. *Jurnal Syariah* 5.
- Sa'id Ibrahim. 1996. *Qanun Jinayah Syar'iyah dan Sistem Kehakiman dalam Perundangan Islam Berdasarkan Quran dan Hadith*. Kuala Lumpur: Dar Ma'rifah.
- Siti Zubaidah Ismail. 2012. The modern interpretation of the *diyat* formula for the quantum of damages: The case of homicide and personal injuries. *Arab Law Quarterly* 26: 361-379.
- Syed Ahmad S. A. al-Sagoff. 2006. *Al-Diyah as Compensation for Homicide & Wounding in Malaysia*, Selangor Darul Ehsan: Pusat Penyelidikan IIUM.
- Zulkifly Muda. 2010. *Jenayah Hudud dan Pembunuhan Menurut Perundangan Islam*. Terengganu Darul Iman: Penerbit UMT.
- Nilai ini berasaskan pengeluaran Bank Negara Malaysia. http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=en_misc&pg=en_misc_kijang&ac=302&lang=en.
- Nilai ini diambil berasaskan kadar dinar dan dirham yang dikeluarkan Negeri Kelantan <http://www.dinarkel.com/harga-semasa.php>.
- Nilai ini diambil berasaskan Public Gold <http://www.emasanda.com/Harga%20emas%20dan%20perak%20Public%20Gold.html>.
- Muhammad Hilmi Musa
Siswazah Fakulti Undang-undang
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi Selangor.
Emel: hilmimusa91@gmail.com